



KORPORASI PEMBANGUNAN DESA KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai Lesen Perniagaan yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam kod yang disebutkan dibawah dan yang masih dibenarkan membuat tawaran tender seperti berikut:

NO. TAWARAN	TAJUK TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL
KPD/T/2026/02	Membekal tenaga buruh termasuk peralatan untuk kerja-kerja penyelenggaraan ladang di Projek Pengeluaran Buah-Buahan Lingkungan, Beaufort dan Lumadan, Beaufort.	i. PUKONSA: Kelas E Tajuk: I, Tajuk Kecil: 1; ii. CIDB: Gred G2 Kategori: CE, Pengkhususan: CE21; iii. Lesen niaga yang masih sah; dan iv. Memiliki Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah.	Bahagian Perolehan & Harta, Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa, Aras 2, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Wisma Pertanian, 88300 Kota Kinabalu.

1.0 Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan bagi setiap penender yang menyertai tawaran ini seperti ketetapan berikut:

TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH	MASA	PEGAWAI DIHUBUNGI
Pusat Pengumpulan Hasil Tani (APCC) Lingkungan, Projek Buah-Buahan KPD Lingkungan, Jalan Beaufort-Sipitang, 89808, Beaufort.	04 Mei 2026 (Isnin)	9.00 pagi	Encik Ali Hassan di talian 013-8992171

Nota : Sila bawa cop syarikat untuk memudahkan urusan pendaftaran semasa taklimat dijalankan.

2.0 Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen : **04 Mei 2026 (Isnin) – 25 Mei 2026 (Isnin)**

8.00 pagi hingga 12.30 tengahari (Isnin – Khamis)
8.00 pagi hingga 11.30 pagi (Jumaat)

3.0 **Harga Dokumen : RM50.00** (Pembayaran boleh dibuat dalam bentuk Wang Tunai/Kiriman Wang (Money Order)/Bank Draf/Wang Pos atas nama Korporasi Pembangunan Desa. **Cek tidak diterima.**

4.0 **Tarikh Tutup Tawaran : 25 Mei 2026 (Isnin), Pukul 10.00 pagi.** Dokumen tender yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

5.0 Semua maklumat yang dikehendaki dalam Dokumen Tender hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Korporasi Pembangunan Desa berhak menolak mana-mana dokumen tender yang tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan. Korporasi Pembangunan Desa juga tidak bertanggungjawab jika maklumat yang dinyatakan tidak jelas/tidak boleh dibaca yang mana menyebabkan penender gagal mendapat tawaran. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil-sijil/lesen dan dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri** dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tawaran di penjuru kiri sudut atas sampul surat dan dialamatkan kepada :

Setiausaha Jawatankuasa Tender
Korporasi Pembangunan Desa
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,
88300 KOTA KINABALU.

6.0 Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat seperti berikut:

Korporasi Pembangunan Desa
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,
88300 KOTA KINABALU.

7.0 Para Pembekal/Penender **WAJIB** menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN PUKONSA, Sijil CIDB, Lesen Perniagaan yang masih sah** dan **SIJIL TARAF BUMIPUTRA** (jika ada) serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil/lesen berkenaan semasa membeli dokumen tawaran.

8.0 Korporasi Pembangunan Desa (KPD) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**PENGURUS BESAR
KORPORASI PEMBANGUNAN DESA**